



LAPORAN LIPUTAN MEDIA RABU / 24 JANUARI 2018

- 1. PIKAT ORANG MUDA BERTANI**
 - HARIAN METRO

- 2. JALAN BERLUBANG IBARAT PERANGKAP MAUT**
 - SINAR HARIAN

**DISEDIAKAN OLEH:
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)**

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH : 24 JANUARI 2018 (RABU)
PERKARA : PERTANIAN



AHMAD Shabery melihat padi pada pameran selepas merasmikan Seminar Pertanian dan Keselamatan Makanan 2050 di Auditorium Rashdan Baba UPM Serdang.

Pikat orang muda bertani

Serdang: Pulangan yang masih kecil dalam pertanian menyebabkan bidang itu hanya diceburi golongan berusia lebih 60 tahun manakala orang muda tidak berminat dengannya walaupun penduduk negara semakin bertambah.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, adalah penting untuk memastikan pertanian itu bukan saja menarik tetapi memberikan pulangan yang tinggi bagi menarik minat orang muda.

Menurutnya, pulangan yang tinggi tentunya menjadi cabaran sama

ada dari segi jumlah hasilnya mahupun nilai diperolehi.

"Misalnya bagi setiap hektar tanah yang dapat menghasilkan pendapatan lebih tinggi daripada apa yang diperolehi pada hari ini. Ini adalah cabaran yang perlu kita lihat supaya orang muda berminat," katanya.

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 24 JANUARI 2018 (RABU)
PERKARA : ADUAN



Ghazali menunjukkan lubang yang wujud selepas berlaku hakisan di Kampung Bukit Teriak hingga membimbangkan penduduk.

Jalan berlubang ibarat perangkap maut

ALOR SETAR - Penduduk Kampung Bukit Teriak, di sini meminta pihak berkuasa membaik pulih jalan berlubang sedalam 1.5 meter di kampung berkenaan.

Ghazali Mat Akib, 63, berkata, masalah hakisan jalan itu dikesan sejak tiga tahun lalu.

"Aliran air deras akibat hujan lebat menyebabkan jalan itu semakin terhakis dan retak.

"Bimbang keselamatan orang ramai, saya pacak kayu sebagai tanda wujudnya

Aliran air deras akibat hujan lebat menyebabkan jalan itu semakin terhakis dan retak. Bimbang keselamatan orang ramai, saya pacak kayu sebagai tanda wujudnya lubang ini." - Ghazali

lubang ini," katanya.

Menurutnya, sehingga kini belum ada lagi sebarang kejadian tidak diingini berlaku.

"Tapi penduduk bimbang kalau ada yang terperangkap

dalam lubang ini lebih-lebih lagi orang luar," katanya.

Katanya, diharap masalah itu dapat diselesaikan segera kerana ia membahayakan pengguna terutamanya penduduk di kawasan itu.